

USAHA MEMARTABATKAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH SEBAGAI PEMANGKIN  
KELANGSUNGAN MASYARAKAT ISLAM MADANI DI MALAYSIA

Shakila Ahmad

*SHAKILA AHMAD*

Mikdar bin Rushdi (PhD)

*MIKДАР BIN RUSHDI*

Rafiuddin Afkari bin Abdul Fatah (PhD)

*RAFIUDDIN AFKARI BIN ABDUL FATAH*

*Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

ABSTRAK

Ketetapan dari al-Quran dan al-Hadith yang menyatakan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan aliran pemikiran akidah yang selamat telah diterima oleh sebahagian besar umat Islam di dunia. Begitu juga di Malaysia, di samping Islam dimartabatkan sebagai Agama Persekutuan, penerimaan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan seluruh umat Islam dan dijadikan garis panduan terutamanya dalam permasalahan akidah yang timbul. Pengukuhan kefahaman dan penghayatan terhadap akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah juga turut dipergiatkan. Bagaimanapun tidak dinafikan banyak aliran pemikiran akidah yang tidak diselari dengan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah telah muncul antaranya Darul Arqam, Syiah, Qadiyani termasuk juga ideologi barat moden; Humanisme, Pluralisme, Liberalisme, Rasionalisme dan sebagainya. Aliran pemikiran yang menyeleweng ini turut menimbulkan beberapa amalan negatif seperti membenarkan pernikahan mutah, terlalu mengagungkan individu tertentu, menentukan hukum menggunakan logik akal dan sebagainya. Fenomena ini telah menimbulkan kekeliruan pemikiran terutamanya dalam kalangan generasi muda sekali gus membawa kepada pengamalan budaya negatif yang akan membantutkan kelangsungan pembentukan masyarakat Islam bertamadun di Malaysia. Justeru usaha bagi memartabatkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia amatlah penting dan perlu diberi perhatian serta digerakkan dengan lebih bersungguh-sungguh oleh semua pihak. Kertas kerja ini akan membincangkan kesan fenomena ini terhadap perkembangan umat Islam bertamadun sekaligus mencadangkan beberapa usaha yang perlu dijalankan bagi memastikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dapat dimartabatkan di Malaysia.

Kata Kunci: Akidah, Ahli Sunnah Wal Jamaah, Aliran Pemikiran, Penyelewengan Akidah, Masyarakat Islam Madani

## Pendahuluan

Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah telah menjadi pegangan sebahagian besar umat Islam di dunia. Di Malaysia, Islam diistiharkan sebagai agama Pesekutuan dan akidah Ahli Sunnah diterima sebagai pegangan seluruh umat Islam. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang bersidang pada 3 Mei 1996 membuat keputusan menetapkan umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari pada segi akidah, syariah dan akhlak. Ketetapan tersebut juga telah membentuk pandangan semesta (*world view*) masyarakat Islam yang juga mempengaruhi perkembangan tamadun di Malaysia.

Orang Melayu merupakan masyarakat yang mempunyai hubungan yang amat rapat dengan pembinaan Tamadun Alam Melayu. Dalam Perlembagaan Malaysia telah dinyatakan bahawa orang Melayu adalah mereka yang kebiasannya menggunakan bahasa Melayu, berbudaya Melayu dan beragama Islam. Oleh itu pandangan semesta masyarakat Islam yang sebahagian besarnya berbangsa Melayu berperanan dalam mencorakkan pembinaan Tamadun di Tanah Melayu yang menjadi asas dalam pembentukan Malaysia sebagai Negara bertamadun.

Menurut Muhammad Uthman El-Muhammady (2010), umat Islam di Malaysia sekian lama telah memahami Islam secara seragam dengan ajaran ahli Sunnah Wal Jamaah dijadikan sebagai pegangan akidah yang telah menyatu padukan mereka. Pegangan akidah ahli Sunnah Wal Jamaah ini berasaskan kepada ajaran akidah Imam Al-Ash'ari, fiqh mengikut mazhab Shafi'e dan akhlak pula berpandukan tasawuf Imam al-Ghazali.

### 1.0 Siapa Ahli Sunnah Wal Jamaah?

Al-Quran dan al-Hadith telah menyatakan bahawa di akhir zaman terdapat hanya satu golongan umat Islam sahaja yang dijanjikan selamat oleh Allah S.W.T. yang digambarkan melalui hadith Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

قال صلى الله عليه وسلم : " إن بني إسرائيل افترقوا على إحدى وسبعين فرقة ، وتفترق أمتي على ثلاث وسبعين فرقة ، كلها في النار إلا واحدة " فقبل له : ما الواحدة ؟ قال : " ما أنا عليه اليوم وأصحابي " . حديث حسن أخرجه الترمذي وغيره .

“Sesungguhnya Bani Israel telah berpecah menjadi tujuh puluh satu pecahan. Dan umatku akan berpecah menjadi tujuh puluh tiga pecahan; semuanya akan masuk neraka, kecuali satu. Para sahabat bertanya: Siakah golongan itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Iaitu mereka yang mengikuti jalan hidupku dan para sahabatku.

Hadith Hassan riwayat al-Tirmidhi dan lain-lain

Terdapat beberapa hadith lain yang juga menyebut berkenaan perpecahan umat Islam di akhir zaman. Daripada hadith-hadith tersebut dapat difahami bahawa umat Islam di akhir zaman akan berpecah kepada kumpulan yang banyak dan hanya satu kumpulan sahaja yang dijamin selamat di akhirat kelak. Keselamatan kumpulan ini dijamin kerana mengikut dan menghayati ajaran Rasulullah S.A.W. dan para sahabat dalam semua aspek kehidupan. Ulama hadith menghuraikan golongan yang selamat itu adalah mereka yang mengikut cara hidup Rasulullah S.A.W dan para sahabat.

Dalam frasa Ahli Sunnah Wal Jamaah, ahli didefinisikan sebagai anggota sesebuah pertubuhan, persatuan atau golongan (Kamus Dewan, 1993). Sunnah dari sudut istilahnya pula diberi maksud oleh ulama hadith sebagai apa yang diriwayatkan dari Rasulullah S.A.W berupa ucapan, perkataan, penetapan, peribadi, akhlak dan riwayatnya sama ada sebelum atau selepas kerasulan baginda S.A.W (H. Aboe Bakar Acheh, 1982). Manakala Jamaah sebagai satu kelompok yang besar (سواد الأعظم) iaitu kumpulan manusia

yang kebanyakannya bersepakat dalam mentaati pemerintah dan mengikut jalan yang lurus (Ibn Athir, 1963). Ibn Taimiyyah(t.t) berpendapat akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah merangkumi akidah salafiah (orang terdahulu) iaitu akidah kaum muslimin yang selamat dari perkara bid'ah, disepakati ijmak yang jelas bersumberkan dari al-Quran dan al-Sunnah.

Oleh itu, Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan kelompok besar umat Islam bermula dari para sahabat tanpa ada akhirnya meliputi para ilmunan dan ahli ijthad yang memegang akidah yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W dan akidah para sahabat. Mereka menjadikan al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W. serta ijthad sebagai panduan dalam kehidupan.

Perlu juga dinyatakan bahawa gelaran Ahli sunnah Wal Jamaah tidak digunakan pada zaman sahabat dan para tabieen bagi membezakan golongan yang benar dengan golongan bid'ah atau kelompok sesat. Ia hanya digunakan dengan meluas pada abad 3 dan 4 hijrah iaitu kesan dari kemunculan beberapa mazhab atau aliran yang menyeleweng dari Islam (H. Harun Nasution, 1992).

Dua orang tokoh ulama terkenal yang mempertahankan akidah Ahli Sunnah dan menyusunnya secara bersistem adalah Syeikh Abu Hassan al-Asyari (260H-324H) dan Imam Abu Mansur al-Maturidi (238H-333H) (Abdul Hamid bin Yunus, 2006). Dalam kebanyakan penulisan menyatakan, penggunaan nama Ahli Sunnah Waljamaah telah dimasyhurkan oleh dua orang tokoh tersebut. Pengikut mereka kemudiannya dikenali sebagai al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah. Al-Asy'ari menghadapi golongan Muktazilah di Iraq manakala al-Maturidi pula berhadapan dengan golongan Muktazilah di Samarqand, Asia Tengah.

### 1.1. Prinsip-prinsip yang Disepakati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Ahli Sunnah Waljamaah telah menggariskan beberapa prinsip yang telah disepakati. Prinsip-prinsip tersebut dijadikan pegangan bagi setiap pengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana aliran pemikiran yang sesat sentiasa wujud disepanjang zaman. Antara prinsip-prinsip yang disepakati ialah:

- a. membenarkan sifat-sifat Allah tanpa mempersoalkan bentukNya serta mensucikanNya dari persamaan dengan makhluk.
- b. menetapkan al-Quran adalah kalamullah bukannya makhluk.
- c. menyakini Allah tidak boleh dilihat oleh sesiapa pun dalam kehidupan di dunia.
- d. orang-orang mukmin akan dapat melihat Allah di syurga dengan kedua mata mereka.
- e. beriman dan membenarkan kehidupan selepas kematian sebagaimana yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW.
- f. beriman dengan qadar Allah SWT dengan segala tingkatnya sama ada baik atau buruk. Beriman bahawa Allah SWT Maha Mengetahui semua perbuatan manusia berdasarkan ilmuNya yang qadim dan azali.
- g. iman adalah ucapan dan perbuatan yang boleh bertambah dan berkurangan.
- h. iman mempunyai perkara pokok (أصل) dan cabang (فرع). Iman seseorang tetap terpelihara selagi tidak menyeleweng dalam perkara pokok. Oleh itu tidak menjadi kafir seseorang yang melakukan kemaksiatan kecuali dia menidakkan perkara pokok dalam iman.
- i. bersepakat kemungkinan berkumpul antara seksaan dan pahala ke atas seseorang di akhirat kelak.
- j. mencintai dan mendukung sahabat Rasulullah SAW, ahli keluarga dan isteri-isteri baginda. Namun sifat maksum hanya layak untuk Rasulullah SAW tanpa melibatkan sahabat, ahli keluarga dan isteri-isteri baginda dan SAW.
- k. membenarkan adanya karamah dan kejadian-kejadian luar biasa yang diberikan oleh Allah kepada para wali.
- l. bersepakat untuk memerangi sesiapa yang keluar dari syariat Islam walaupun dia mengucapkan dua kalimah syahadat (Abdul Hamid bin Yunus, 2006).

## 1.2 Ciri-ciri Akhlak Ahli Sunnah Wal Jamaah

Di bawah ini dijelaskan secara ringkas ciri-ciri Ahli Sunnah Waljamaah, di dalam akidah dan hukum antaranya ialah:

- a. Ahli Sunnah wal Jamaah menjadikan akhlak Rasulullah SAW sebagai ikutan sekaligus menjadikan mereka sebaik-baik umat.
- b. Menghukum menggunakan al-Quran dan sunnah.  
Mengambil dan mendahulukan al-Quran dan sunnah sebagai neraca dalam setiap perkara yang berkaitan dengan akidah.
- c. Menerima kata-kata dan pandangan para sahabat.  
Memuliakan para sahabat kerana mereka merupakan orang yang paling hampir dengan Rasulullah SAW. Oleh itu mereka menerima kata-kata dan pandangan para sahabat dalam menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama amnya dan yang berkaitan dengan akidah khususnya. Pandangan sahabat ini merangkumi ijma dan qias.
- d. Mengajak kepada jemaah muslimin.  
Umat Islam disarankan supaya hidup dalam jemaah muslimin agar kesucian akidah mereka terpelihara. Sentiasa berusaha membentuk jemaah muslimin dan memelihara keutuhannya demi menjamin kemurnian akidah umat Islam daripada ancaman golongan bid'ah yang sesat.
- e. Melakukan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*.  
Ahli sunnah waljamaah menyedari kewajipan menyeru dan melakukan amalan yang baik serta dalam masa yang sama bertanggungjawab mencegah dan meninggalkan kemungkaran (Muhammad Abdul Hadi al-Mishri, 1994)

## 1.3 Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah

Ahli Sunnah Waljamaah mempunyai manhaj yang jelas di dalam akidah dan hukum. Mereka telah meletakkan Kitab Allah, Sunnah dan Ijma' sebagai sumber utama di dalam akidah dan hukum hakam, sementara akal yang sejahtera dan fitrah yang murni sebagai sumber pelengkap kepada akidah. Kaedah ini sekaligus menolak perkara-perkara bid'ah yang sentiasa muncul di sepanjang zaman. Berikut antara manhaj yang digunakan oleh Ahli Sunnah wal Jamaah:

1. mendahulukan dan mengutamakan nas al-Quran dan al-Sunnah mengatasi segala yang lain.
2. mentafsir al-Quran dengan al-Quran.
3. mentafsir al-Quran dengan al-Hadis dan al-Sunnah.
4. mengutamakan pendapat dan kata-kata para sahabat dan para tabi'ien.
5. menggunakan ijma' ulama sebagai rujukan.
6. mengutamakan penggunaan kaedah-kaedah bahasa Arab dan uslubnya dalam membahaskan permasalahan akidah.
7. mengutamakan makna dan maksud yang zahir ayat-ayat al-Quran dan tidak memindahkan kepada makna yang lain kecuali dengan bukti dan dalil yang sahih.
8. dalam ayat-ayat al-Quran yang menyatakan mengenai Allah SWT, maka hendaklah perbanyakkan penggunaan kaedah mensucikan Allah SWT dari makna zahirnya yang menunjukkan penyerupaan dan kesamaan sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk. Tidak mempercampuradukkan akidah dengan perkara-perkara yang tidak mampu difikirkan oleh akal.
9. meyakini bahawa akal manusia lemah untuk memahami perkara-perkara *ghaibiyat*. Akal dijadikan untuk memahami, mengikut dan meyakini dengan apa yang terkandung dalam wahyu Allah serta tidak menolak atau membantah wahyu tersebut.
10. menggelakkan perdebatan dengan ahli bid'ah.  
Tidak akan bertegang urat dengan ahli bid'ah atau menghadiri majlis yang melibatkan perdebatan ahli bid'ah. Bertujuan untuk mengelakkan umat Islam daripada menerima dan terikut dengan apa

yang diajarkan oleh golongan yang sesat sekaligus menjaga hati, melindungi akal dan fikiran umat Islam daripada kesesatan dan penyelewengan.

- 1.1. tidak mempercampuradukkan akidah dengan perkara-perkara yang tidak mampu difikirkan oleh akal.

Meyakini bahawa akal manusia lemah untuk memahami perkara-perkara *ghaibiyat*. Akal dijadikan untuk memahami, mengikut dan meyakini dengan apa yang terkandung dalam wahyu Allah serta tidak menolak atau membantah wahyu tersebut.

## 2.0 Cabaran Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

Ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dikembangkan di Malaysia melalui pendidikan formal dan tidak formal. Dalam pendidikan formal, ia menjadi asas dalam pengajaran dan pembelajaran matapelajaran berkaitan dengan pengajian Islam di peringkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Buku-buku teks dan rujukan disediakan dan disemak oleh pihak yang berautoriti bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan dalam kandungan matapelajaran.

Manakala pendidikan tidak formal kebiasaannya kelas diadakan di surau-surau dan masjid-masjid. Guru-guru yang mengajar adalah dalam kalangan yang telah diberi tauliah atau kebenaran oleh pihak Majlis Agama Islam negeri. Kitab-kitab yang digunakan kebanyakannya lebih merujuk kepada kitab-kitab jawi dalam bahasa Melayu dan tiada penggunaan teks klasik dalam bahasa Arab iaitu kitab asal dalam perbincangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Bagaimanapun aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia juga tidak terlepas dari cabaran dan juga ancaman yang mengganggu kelancaran kemajuan umat Islam. Apabila akidah yang dipegang terpesong dari landasan kebenaran, pandangan semesta juga akan berubah menyebabkan tindakan yang diambil boleh membawa kepada kerosakan dan kebinasaan sama ada ke atas diri individu, keluarga, masyarakat mahupun Negara. Antara cabaran utama bagi Aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah:

### 2.1 Kemunculan dan perkembangan Ajaran Sesat

Ajaran sesat juga disebut sebagai ajaran salah atau penyelewengan akidah. Pengertian ajaran sesat dalam penulisan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007a) menyatakan JAKIM mentakrifkan ajaran sesat sebagai sebarang ajaran ataupun amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan itu berdasarkan ajaran Islam. Hakikatnya, ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah Islam, bertentangan dengan al-Quran dan sunnah, bertentangan dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah.

Terdapat ajaran sesat di Malaysia datang dari luar dan dikembangkan oleh orang tempatan ada juga yang diasaskan oleh penduduk Malaysia sendiri. Secara umumnya ajaran sesat di Malaysia dibahagikan kepada tiga bentuk utama iaitu:

- a. Ajaran (Ajaran Baru)
- b. Tariqat
- c. Melahirkan kepercayaan dan Amalan Tradisi yang berhubung dengan amalan mistik yang kultus.

Beberapa ajaran sesat yang pernah mendapat tempat dalam kalangan umat Islam di Malaysia dan telah difatwakan sesat di Malaysia ialah Ajaran Taslim, Tariqat Naqsyabandiayah Kadirun Yahya, Darul Arqam, Qadiyani, Ayah Pin dan terkini ajaran Syiah.

Ajaran sesat merupakan penyelewengan yang datang dari dalam kalangan umat Islam sendiri yang mengganggu perkembangan kemajuan umat Islam di Malaysia. Kelemahan ini disebabkan kejahilan mereka untuk membezakan antara yang hak dan yang batil. Malah ada amalan yang boleh menjatuhkan martabat kemuliaan seorang manusia apabila ia tidak disandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat ciri-ciri ajaran sesat yang jelas bertentangan dengan asas rukun Iman dan Islam yang menjadi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Menurut Engku Ahmad Zaki (2007a) antara ciri-ciri utama ajaran sesat adalah:

- a. berpegang pada akidah yang menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah.
- b. mempertikaikan kebenaran al-Quran ataupun hadith. Secara dasar, ajaran sesat menafikan kebenaran isi kandungan al-Quran dan menganggap hadith hanya cerita rekaan daripada mulut-mulut. Di samping itu, kumpulan ajaran sesat juga berani mengubah ayat-ayat al-Quran dan maksudnya dengan sengaja.
- c. mana-mana ketua kumpulan, pengasas ataupun orang yang mendakwahkan dirinya sendiri ataupun orang lain sebagai nabi terakhir ataupun Nabi Isa dan sebagainya. Padahal, individu itu tidak boleh mengaku atau mengiktiraf dirinya ataupun orang lain sebagai nabi kerana Nabi Muhammad pernah berkata, "Aku adalah penutup segala nabi. Tidak ada nabi lagi selepas aku.
- d. mendewakan diri, pemimpin ataupun kumpulan ajaran sesat itu secara bertentangan dengan akidah Ahli al-Sunnah Wal Jamaah. Contohnya, menyatakan dirinya ataupun gurunya ahli syurga. Mendewakan secara melampau dapat menyebabkan rosak akidah, malah membawa kepada syirik dan kufur.
- e. percaya wahyu masih turun selepas Nabi Muhammad wafat dan mencipta hukum-hukum baru.
- f. memansuhkan kewajipan tertentu dalam syariat Islam. Contohnya, memansuhkan kewajipan sembahyang lima waktu, berpuasa pada bulan Ramadhan dan zakat fitrah. Kemudian, direka kewajipan baru sebagai ganti.

Terdapat beberapa amalan yang dilakukan dalam ajaran sesat boleh menjatuhkan martabat dan maruah seorang muslim. Sebagai contohnya ajaran Syiah yang membenarkan nikah mutaah iaitu pernikahan yang tidak memerlukan wali, saksi dan pensiytiaran serta pernikahan tersebut hanya sah dalam tempoh masa yang ditentukan sahaja. Pernikahan sedemikian sudah tentu tidak akan mengikat tanggungjawab seorang suami terhadap isteri. Malah terdapat suami yang memberi mas kahwin kepada wanita yang dikahwini dari barang yang tidak mempunyai nilai. Mohamad Azam dan Mohd Hafizee (2013) melaporkan selipar terpakai, duit RM2, buku atau apa saja barang yang ada ketika majlis akad nikah dijalankan boleh dijadikan maskahwin. Amalan nikah mutaah ini telah menidakkan nilai dan maruah wanita yang telah diangkat oleh Islam semasa kedatangan Nabi Muhammad S.A.W..

Di samping itu orang-orang Syiah akan menyiksa tubuh badan mereka pada 10 Muharam. Mereka memukul dada dan menyiksa badan dengan rantai besi dan pedang bagi menangi dan berkabung atas kematian Saidina Hussain dalam peristiwa karbala. Amalan ini berlaku di Iran, Pakistan, India dan sebahagian di Negara Lubnan pada setiap tahun. Di Malaysia amalan seumpama ini tidak dilakukan. Bagaimanapun sambutan Hari Asyura turut disambut oleh golongan Syiah dengan membaca qasidah-qasidah yang memuja Saidina Ali dan Saidina Hussain. Amalan sedemikian tidak dianjurkan dalam ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah, malah boleh disamakan dengan amalan masyarakat jahiliyyah sebelum kedatangan Islam.

Antara lain penyelewengan Syiah adalah menambah syahadah, menolak ijmak ulamak dan qias, jawatan khalifah diwasiatkan secara nas, Imam adalah maksum, kemunculan semula Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan (*ar-Raj'ah*), berpura-pura (*al-Taqiyyah*), menentukan Muhammad bin Hassan al-Askaru sebagai Imam Mahdi, penyanjungan keterlaluan kepada

Saidina Ali, mengkafirkan para sahabat Rasulullah, menuduh Abu Bakar, Umar, Uthman dan Muawiyah sebagai empat berhala Quraisy dan pengikut mereka musuh Allah dan menolak hadith Ahli Sunnah Wal Jamaah sekalipun bertaraf mutawattir.

Kajian, perbincangan dan penulisan telah dibuat dalam kalangan cerdik pandai dan pihak berwajib mengenai aliran-aliran dalam ajaran sesat di Malaysia, namun masih terdapat ajaran yang telah difatwakan keluar dari akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah terus berkembang dan mendapat sambutan. Di samping cabaran dari ajaran sesat akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah turut berdepan dengan perkembangan aliran pemikiran Barat moden yang amat mudah meresap masuk dalam pemikiran dan kehidupan umat Islam sejak berabad lamanya. Ditambah dengan kepesatan perkembangan teknologi maklumat yang begitu pantas, penularannya agak sukar untuk di bendung.

## 2.2 Aliran Pemikiran Barat Moden

Di samping cabaran yang datang dari dalam umat Islam sendiri, akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah turut berhadapan dengan cabaran aliran pemikiran barat moden. Menurut Laporan dan Kajian R&D Jabatan Agama Islam Selangor (Dr. Abdul Munir bin Ismail & Mohamad Haidar, 2010), cabaran utama yang diterima adalah dari fahaman humanism iaitu satu ideologi pegangan masyarakat Barat yang membawa manusia kepada penolakan agama atau berpaling daripada konsep ketuhanan serta lebih kepada budaya mementingkan diri sendiri. Daripada ideologi *Humanism* ini akhirnya akan melahirkan berbagai-bagai aliran pemikiran yang lain antaranya *sekularisme*, *liberalisme*, *pluralism* dan sebagainya. Dua aliran pemikiran Barat moden yang amat berpengaruh dan merosakkan pemikiran umat Islam di Malaysia hari ini adalah *Liberalism* dan *Pluralisme* yang dinamakan dengan sandaran sebagai *Islam Liberal* dan *Pluralisme Agama*.

*Islam Liberal* merupakan sekumpulan golongan orang Islam atau bukan Islam yang memperjuangkan prinsip kebebasan dan rasional yang bersifat menyeluruh tanpa sebarang had (Zamizan Mat Zin: t.t). Golongan ini atas nama perjuangan menuntut kebebasan dan keadilan yang melampaui dari ketetapan syarak sehingga menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.

Bertujuan untuk membuat pembaharuan dalam pemikiran umat Islam agar mampu bersaing dengan tamadun Barat yang dikatakan hebat. Justeru aliran pemikiran barat ini meracuni pemikiran umat Islam agar bangkit dan membuat penafsiran semula terhadap ajaran-ajaran Islam atas nama tajdid dan ijtihad. Mereka bertindak tanpa merujuk kepada prinsip dan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah malah mengenyepikan metodologi penafsiran al-Quran dan hadith yang ditetapkan. Malah ada ketikanya ulama yang tinggi kedudukannya dalam institusi pentadbiran turut dicabar dan diperlekeh ilmu dan kemampuan mereka serta menyatakan penafsiran terhadap sumber-sumber Islam seperti al-Quran bukanlah hak mutlak ulama semata-mata.

Dr. Mohd Farid Mohd Shahrani (2010) dalam perbincangan mengenai *Islam Liberal* telah memetik antara gagasan dan misi utama mereka adalah:

- a) Keterbukaan pintu ijtihad dalam pelbagai bidang termasuk teologi dan ibadah. Perkara-perkara yang telah diijmak oleh ulama juga tidak lari dari keperluan ijtihad.
- b) penekanan kepada semangat religio etik bukan kepada literal sebuah teks;
- c) kebenaran bersifat relatif, terbuka dan plural. Ini berdasarkan premis bahawa setiap penafsiran agama dianggap sebagai kegiatan manusiawi yang terkongkong pada konteks sejarah dan keperluan semasa yang berubah-ubah, justeru ia akan sentiasa terdedah kepada kesilapan.

- d) memihak kepada golongan minoriti dan yang tertindas. Maka, atas nama keadilan, golongan minority harus dibela. Golongan ini termasuk minoriti agama, etnik, ras, budaya, jantina dan lain-lain.
- e) kebebasan beragama dan kepercayaan. Persoalan agama adalah hak peribadi yang harus dilindungi, maka tidak ada pemaksaan kepada sesuatu kepercayaan yang dipilih oleh seseorang individu
- f) pemisahan yang jelas duniawi dan ukhrawi, agama dan politik. Agama tidak harus dijadikan nilai yang dipaksa dalam bidang politik kerana ia adalah milik perseorangan dan persendirian.
- g) Bidang politik, dengan kata lain, seharusnya bebas agama.

Sementara misi utama kelompok ini ialah untuk;

- a) mengembangkan pentafsiran-pentafsiran Islam yang liberal sesuai dengan prinsip yang dipegang di atas;
- b) mengusahakan ruang-ruang dialog yang terbuka dan bebas dari tekanan konservatisme;
- c) mengupayakan terciptanya struktur sosial dan politik yang adil dan manusiawi.

Aliran Islam Liberal telah mengusulkan beberapa perkara yang jelas bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam yang didakwa sebagai memperjuangkan hak asasi manusia antaranya menghalalkan hemoeksual, menolak poligami, membenarkan muslim keluar dari Islam, mempertikaikan institusi perkahwinan, mempertikaikan hukum wajib menutup bagi aurat wanita dan membenarkan perkahwinan berlainan agama. Dalam mengenegahkan hujah, mereka lebih mengutamakan kerasionalan akal dalam mentafsirkan ayat al-Quran dan Hadith, malah sekiranya bertentangan antara akal dan wahyu maka akal diutamakan.

Bertitik tolak dari semangat memperjuangkan keadilan dan persamaan hak maka golongan Islam Liberal berpendapat bahawa Islam bukan satu-satunya agama yang benar dengan memperkenalkan aliran *Pluralisme Agama* (Kesatua Agama). Secara umumnya Dr. Adian Husiani (20120), telah menyimpulkan *Pluralisme Agama* merupakan satu pemikiran yang mendakwa semua agama adalah sama kerana semuanya menuju kepada Tuhan yang sama. Menurut fahaman ini, agama adalah satu persepsi manusia yang relatif terhadap Tuhan yang mutlak. Justeru tidak ada penganut agama tertentu yang boleh mendakwa hanya agamanya sahaja yang benar atau berhak menidakkkan kebenaran agama lain.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25 sehingga 27 Julai 2006 telah membincangkan aliran Pemikiran Liberal dan memutuskan gerakan Pemikiran Liberal mengandungi fahaman-fahaman yang didapati menyeleweng dari ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dari aspek akidah dan syariah.

Kepercayaan, amalan dan falsafah yang dibawa dan diketengahkan oleh ajaran sesat dan aliran pemikiran Barat moden ini telah menimbulkan kekeliruan pemikiran terutamanya dalam kalangan generasi muda sekaligus boleh membawa kepada pengamalan budaya negatif yang bertentangan dengan ajaran Islam dan adab Melayu. Fenomena ini telah menjadikan umat Islam mundur kerana mengenegipikan kitab suci al-Quran dan menolak ajaran dari hadith Rasulullah S.A.W.

### **3.0 Usaha Memartabatkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah**

Kertas kerja ini hanya membincangkan secara ringkas aliran pemikiran Syiah dan Islam Liberal sebagai contoh yang menunjukkan penyelewengan yang dibawa oleh ajaran sesat dan pemikiran Barat moden telah membantutkan perkembangan umat Islam madani di Malaysia. Untuk memastikan kelangsungan ketamadunan umat Islam, usaha untuk memartabatkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah hendaklah dipergiatkan kerana pembentukkan Malaysia sebagai Negara bertamadun turut dipengaruhi oleh kedudukan umat Islam yang sebahagian besarnya adalah masyarakat Melayu.



Ulamak Ahli Sunnah Wal Jamaah telah menggariskan beberapa panduan kepada umat Islam bagi memastikan mereka tidak terpesong dari jalan yang sebenar. Prinsip-prinsip yang telah disepakati, ciri-ciri akhlak dan manhaj perlulah diberi perhatian, difahami dan diamalkan dalam kehidupan. Mengakui diri sebagai pengikut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah tetapi tidak mengikut cara yang diajarkan, sudah tentu akan membawa kehidupan seseorang ke arah kebinasaan.

Engku Ahmad Engku Alwi (2007b) setelah membincangkan mengenai ajaran sesat yang menjadi cabaran kepada umat Islam telah menyenaraikan beberapa langkah yang perlu diambil untuk menyelesaikan kemelut yang melanda umat Islam. Gerak kerja dakwah yang kemas dengan perancangan yang tersusun berserta ketepatan objektif dan matlamat, kesesuaian pendekatan atau teknik dakwah dengan sasaran dakwah amat penting diberi penekanan. Ini bersesuaian dengan satu daripada ciri akhlak yang menghiasi golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemugkaran (*amar ma'ruf nahi munkar*). Terdapat dalam kalangan umat Islam yang tidak mengambil peduli kewajipan berdakwah dengan anggapan kerja dakwah hanya dipikul oleh pihak tertentu seperti ustaz dan ustazah, imam dan bilal dan mereka yang berkelulusan bidang agama manakala organisasi yang dilihat mempunyai tanggungjawab dakwah adalah seperti YADIM, PERKIM, Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam, JAKIM dan lain-lain yang seumpama dengannya.

Tanggapan yang salah ini telah menambah kelemahan umat Islam kerana kerja-kerja dakwah yang perlu dilakukan oleh seluruh umat Islam hanya digerakkan oleh segelintir daripada mereka. Sekiranya berlaku penyelewengan ajaran Islam dalam masyarakat ia hanya akan ditangani oleh pihak-pihak tertentu sahaja manakala yang lain hanya melihat sahaja apa tindakan yang dilakukan. Tidak ada pengembelangan kerja dakwah yang dijalankan.

Seterusnya Pendidikan juga merupakan satu wadah yang amat penting dalam usaha memartabatkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Berusaha memberi kefahaman terhadap kandungan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah mesti dipergiatkan terutamanya melalui pendidikan sama ada melalui pendidikan secara formal atau sebaliknya. Perlulah dikaji kandungan matapelajaran yang dimasukkan dalam silabus mampu memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar mengenai kedudukan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pendekatan teknik pengajaran turut memberi kesan yang penting terutamanya dalam memberi faham perkara *sam'iyat*. Kegagalan di peringkat pendidikan awal memungkin seseorang itu mudah terdedah kepada ancaman ajaran yang menyeleweng atau lebih cenderung menggunakan logik akal semata .

Pendidikan tidak formal yang diajarkan kepada masyarakat awam di masjid atau surau turut memberi sumbangan yang besar dalam memartabatkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Secara umumnya seluruh masjid dan surau mempunyai kelas dan aktiviti yang dijalankan oleh ahli kariah masing-masing. Bagaimanapun didapati tidak ada buku yang ditentukan secara khusus yang perlu digunakan sebagaimana dalam pendidikan formal. Oleh itu masyarakat sentiasa terdedah kepada sumber-sumber ilmu yang salah sekiranya tidak dikawal oleh pihak yang berwajib. Ketiadaan kitab tertentu yang dijadikan sumber bacaan semasa kelas dijalankan menjadikan ilmu tersebut tiada kesinambungannya. Lebih memburukkan keadaan sekiranya pendengar yang hadir tidak membuat sebarang catatan semasa menghadiri kelas. Akhirnya ilmu yang disampaikan seperti mencurahkan air di daun keladi. Malah tidak ada silabus yang menentukan kandungan pelajaran yang perlu disampaikan.

Status individu yang diberi tanggungjawab mentadbir masjid perlu disemak oleh pihak yang berwajib. Kebanyakan masjid ditadbir secara sambilan oleh individu yang dilantik atau dengan ertikata yang lain tidak ada jawatan tetap yang diberi gaji bagi mereka yang dilantik untuk mentadbir menguruskan hal ehwal masjid. Oleh itu kerja-kerja mentadbir dan menjalankan aktiviti masjid selain dari solat lima waktu dibuat secara sambilan oleh individu-individu yang mungkin mempunyai komitmen

kerja lain yang lebih utama. Adalah lebih baik sekiranya kerja meninstitusikan masjid dijalankan oleh individu yang berkualiti secara tetap dan bergaji bukan dibuat secara sambilan agar masjid dapat menjadi pusat perkembangan ilmu sebagaimana di zaman awal Islam dahulu.

Ulamak di Malaysia mestilah bersatu tenaga dalam mempertahankan jatidiri umat Islam yang bernaung di bawah ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah (Mohd. Nakhaie Ahmad, 2010). Hasil ijtihad terutamanya yang menentukan fatwa mestilah disepakati oleh semua ulamak tanpa ada kepentingan tertentu. Dalam menghasilkan ijtihad perlulah dipastikan hanya individu yang bertaraf ulamak yang cukup syaratnya sebagaimana yang ditetapkan oleh Islam sahaja yang layak diwar-warkan kepada khalayak. Hari ini ramai yang didakwa atau mendakwa dirinya sebagai seorang ulamak mengeluarkan ijtihad namun sebenarnya tidak layak untuk berbuat demikian kerana tidak mencukupi syarat. Malah ada yang berani mengishtiharkannya kepada orang ramai. Hasilnya ijtihad yang dikeluarkan telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat dan member gambaran yang buruk terhadap kedudukan ulamak di Malaysia.

Bagi membendung pertumbuhan dan penularan ajaran sesat di Malaysia, hukuman yang dikenakan ke atas pesalah yang terlibat dengan penyelewengan agama perlulah disemak semula. Sehingga hari ini secara umumnya hukuman yang dikenakan mengikut jenis kesalahan yang dilakukan adalah denda tidak melebihi RM5000, penjara tidak melebihi 3 bulan dan sebatan tidak melebihi 6 sebatan. Hukuman dikenakan sama ada secara berasingan atau kombinasi (Engku Ahmad Zaki, 2010a). Sebagai contohnya dalam kes kesalahan yang dilakukan oleh Abdul Kahar Ahmad. Beliau didapati bersalah atas lima kesalahan berkaitan ajaran salah telah dihukum penjara selama sepuluh tahun, denda RM16,500 dan enam kali sebatan dan perlu menjalani proses pemulihan selepas dipenjarakan. Pemuliahan tersebut akan dijalankan di Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Ulu Yam Selangor (Siti Zubaidah Ismail, 2010).

Hukuman tersebut perlulah disemak dan dikaji supaya ia dapat memberi pengajaran dan kesan yang lebih besar kepada seluruh umat Islam. Perlu juga dikaji hukuman yang telah dikenakan oleh pemerintah Islam lampau ke atas pesalah yang serupa serta kesannya terhadap perkembangan ajaran Islam. Perlu ditekankan bahawa matlamat perundangan dalam Islam adalah untuk memberi balasan yang setimpal kepada pesalah, juga merupakan jalan pencegahan sama ada pencegahan kepada masyarakat umum atau kepada pesalah dari melakukan kesalahan yang sama serta bertujuan untuk membuat pemulihan atau pembetulan bagi yang terlibat. Sekiranya hukuman yang dikenakan kepada pesalah tersebut bersesuaian dengan matlamat tersebut insya Allah Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dapat dimartabatkan di Malaysia.

#### **4.0 Kesimpulan**

Usaha bagi memartabatkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia merupakan agenda yang amat penting bagi memastikan kelangsungan kemajuan umat Islam di Malaysia. Kesatuan akidah akan menentukan keseragaman langkah umat Islam menuju kejayaan. Dalam hal ini pengembelian usaha perlu dilakukan oleh seluruh umat Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung. Di samping membentasi penularan ajaran salah dan aliran pemikiran barat moden yang menyesatkan, pemberitahuan mengenai ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah amat penting diberikan kepada seluruh umat Islam. Dalam keadaan umat Islam yang mempunyai tahap pendidikan dan pengetahuan yang berbeza, maka pendidikan merupakan satu wadah yang amat besar peranannya bagi mencapai matlamat tersebut dengan menjadikan Institusi pendidikan seperti sekolah, Institut Pengajian Tinggi, masjid dan surau sebagai pusat tumpuan gerak kerja. Oleh itu satu kajian yang terperinci perlu dijalankan terhadap aktiviti pendidikan yang berkaitan dengan pengajian Islam yang sedang dijalankan di Malaysia.

## 5.0 Bibliografi

- Abdul Hamid @ Yusoff bin Yunus, *Bagaimana Mengenal Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2006 (h.3, 21-23)
- Abdul Munir bin Ismail (Dr.) & Mohamad Haidar, Laporan dan Kajian R&D Ogos 2010: Serapan Ideology dan Pemikiran Asing, Jabatan Agama Islam Selangor (h. 1)
- Adian Husaini (Dr.), Pluralisme Agama: Musuh-musuh Agama (Pandangan Katolik, Protestan, Hindu dan Islam paham Pluralisme Agama), dari laman web: [www.muis.gov.my](http://www.muis.gov.my), Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia, 2010 (h. 3)
- Al-Imam Majd al-Din Abi al-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari, Ibn al-Athir, *al-Nihayah Fi Gharib al-Hadith Wa al-Athar*, al-Maktabah al-Islamiyyah, 1963 (h. 419)
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (Dr.), *Ajaran Sesat: Mengenal Jalan Yang Terpesong*, Selangor: PTS Islamika, 2007a (h. 23, 94-95)
- Engku Ahmad Zaki Engku ALwi (Dr.), Cabaran-cabaran semasa Umat Islam dan Penyelesaiannya Menurut Agama, *Malaysian Journal Of Social Administration*, Vol.4, Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2007b (h.54-55)
- H. Aboe Bakar Acheh (Dr.) , *Perbandingan Mazhab Ahlus Sunnah Wal Jamaah*, Kota Baharu: Putaka Aman Press Sdn. Bhd., 1982 (h. 36)
- H. Harun Nasution (Dr.), et. al., *Ensiklopedia Indonesia*, Jakarta: Penerbit Djambatan, 1992 (h. 92)
- Ibn Taimiyah, *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Terj: Jamaluddin Kafie, Bangil: Pustaka ABD MUIS, t.t, (h. 7)
- Mohamad Shah Yaacob dan Mohd Hafizee Mohd Arop, Selipar Terpakai Jadi Mas kahwin, *Harian Metro*, 8 September 2013 (h.1 )
- Mohd Farid Mohd Shahrani (Dr.), *Aliran Pemikiran Islam Kontemporari*, dari laman Web: <http://www.muslimjournal.com> , 3 April 2010 (h. 3)
- Mohd. Nakhaie Ahmad, Ke Arah Memperkasa Kesatuan Ummah Di Malaysia: Peranan Ulama' Ahlu Sunnah Wal Jamaah, *Kertas Kerja Multaqa' Ulama' dan Ilmua Johor 1431H/2010M*, 2010 (h.24)
- Muhammad Abdul Hadi al-Mishri, *Ahlussunnah Wal-Jamaah: Petunjuk Jalan Yang Benar*, Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd., 1944(h. 122-133)
- Muhammad Usman El-Muhammady, Perpecahan Menghakis Pengaruh Kekuatan Islam, *Kertas Kerja Multaqa Ulama' dan Ilmuan Johor 1431H/2010M*, 2010 (h. 50)
- Siti Zubaidah Ismail, Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran, *Jurnal Syariah*, Jil.18, Bil. 2, 2010 (h. 267)
- Zamihan Hj. Mat Zin al-Ghifari, Ancaman Liberalisme dan Plurelisme, *Siri Penjelasan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Johor: Jabatan Agama Johor (t.t) (h. 9)